

26 SEP 1998

Ibrahim - Anwar

SAH ADA KUASA BESAR DI BELAKANG ANWAR, KATA IBRAHIM

ALOR GAJAH, 26 Sept (Bernama) -- Ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Ibrahim Ali menyatakan campur tangan Amerika Syarikat (AS) yang mempersoalkan tindakan kerajaan menahan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan 13 penyokongnya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) membuktikan "ada" kuasa besar di belakang bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Dulu kita agak-agak, tetapi bila mereka (AS) keluarkan kenyataan itu, memang ternyata kuasa besar terlibat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di Taklimat Semasa Umno di Dewan Selandar, di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan berita oleh jurucakap AS semalam, bahawa pihak AS memandang berat penggunaan ISA untuk menghadkan kebebasan bersuara, berhimpun dan komunikasi terbuka di Malaysia.

Malah, jurucakap itu mendesak kerajaan supaya mematuhi Deklarasi Sejagat Mengenai Hak Asasi.

Menurut Ibrahim, bukan menjadi rahsia kuasa besar tidak senang hati dengan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad kerana ketegasan dan kelantangan Dr Mahathir membela hak asasi dunia ketiga.

Dalam hal ini, Ibrahim berkata beliau bukan sahaja sedih kerana Anwar diperalatkan tetapi pergerakan Islam seperti ABIM dan juga beberapa pertubuhan Islam lain turut menjadi mangsa.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menggesa pihak keselamatan di negara ini supaya menyiasat punca dan sumber kewangan gerakan reformasi Anwar kerana beliau percaya ada pihak tertentu yang membiayainya.

"Apabila Anwar mengadakan siri jelajah reformasinya dulu, kemeja-t, baju, kaset, risalah-risalah .. dipakai dan diedarkan oleh penyokong-penyokongnya tetapi mana mereka ambil duit, " tanya Ibrahim.

Beliau juga kesal dengan tindak-tanduk PAS, satu parti dengan asas perjuangan Islam tetapi membela Anwar yang telah melakukan salah laku moral kerana meliwat.

Ibrahim berkata Anwar adalah "raja" nepotisme dan kronisme di negara ini kerana mengagihkan kekayaan pada saudara-mara dan kunci-kuncunya semasa menjawat Menteri Kewangan menerusi penagihan projek-projek kepada suku sakatnya.

-- Bernama

NO WAT